KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

# HEBAHAN AWAM
# AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## *"PROOF OF CONCEPT"* (POC) PERKHIDMATAN BERKONSEPKAN *BUS ON DEMAND* (BOD)

1. Dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sebagai mod pilihan rakyat, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) membuka permohonan kepada semua pengendali perkhidmatan pengangkutan awam darat yang berminat untuk membuat perkhidmatan bus on demand *(BOD)* melalui proof of concept *(POC).*

2. *Bus on Demand* (BOD) merupakan satu perkhidmatan membawa penumpang menggunakan kenderaan bersaiz kecil seperti bas mini, *coaster* atau van di mana tempahan dibuat secara atas talian serta beroperasi di hentian-hentian di dalam zon yang diluluskan APAD.

3. Kertas cadangan berkenaan permohonan tersebut boleh dipanjangkan kepada Unit Bas, Ibu Pejabat APAD bermula bermula 1 September 2022. Tempoh POC ini adalah selama dua (2) tahun sehingga 31 Ogos 2024. Sebarang maklumat lanjut berkaitan syarat dan kriteria pelaksanaan, sila layari portal rasmi APAD iaitu www.apad.gov.my atau emel kepada bod@apad.gov.my.

Sekian.

**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**1 September 2022**

**-TAMAT-**

---

**Tentang APAD:**
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

**<u>Pertanyaan Awam / Media</u>**

**Agensi Pengangkutan Awam Darat**
Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)